

حلال و حرام في الإسلام

HALAL & HARAM
dalam **ISLAM**

Karangan:

Dr. Yusuf al-Qaradawi

(Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan 1431 H)

Terjemahan: *Dr. Zulkifli Bin Mohamad al-Bakri*






PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
TATASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Hadiah ikhlas

Upd YAB - Perdana
menteri Dató Seri

Dipd: Dr. Zulkifli
Bin Mohamed al-Baki

~~Signature~~



HALAL & HARAM dalam ISLAM

Karangan:

Dr. Yusuf al-Qaradawi

(Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan 1431 H)



PUSTAKA PERDANA



1012092



Sebuah Terbitan



Mohd Mutawalli Sya'rawi bin Mohamad	Uni. Mu'tah & UKM (Ketua Lajnah)
Mohd Azreen bin Amir	UNITI & KUIS (Tim. Ketua Lajnah)
Abdul Hakim bin Dato' Hj. Azam	UNITI (Ahli)
Abdul Wahid bin Salleh	Uni. Jordan & UDM(Ahli)
Ahmad Azam bin Ishak	USIM (Ahli)
Ahmad Tarmizi bin Mahmud	USIM & UKM (Ahli)
Mohd Asri bin Silahuddin	KUIS & UKM (Ahli)
Mohd Elias bin Mohd Sapuan	USIM (Ahli)
Mohd Faizan bin Musa	UNITI & UM (Ahli)
Mohd Firdaus bin Mohd Khalil	USIM (Ahli)
Mohd Shafiq bin Abd Ghani	UNITI, PDRM (Ahli)
Munir Zihni bin Hassan	USIM (Ahli)
Zulkarnain bin Mohd Sayuty	USIM (Ahli)

HALAL & HARAM DALAM ISLAM

Darul Syakir Enterprise
Cetakan Pertama 2010
ISBN 978-983-44834-2-5

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenar mengeluarkan ulang mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk artikel, ilustrasi dan foto dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun sama ada fotokopi, mekanik, rakaman, cetakan, elektronik atau cara-cara lain tanpa terlebih dahulu mendapat izin bertulis daripada DARUL SYAKIR ENTERPRISE.

Diterbitkan oleh:
DARUL SYAKIR ENTERPRISE
No.6 & 6A, Jalan 4/12A, Seksyen 4 Tambahan,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.
Tel:03-8922 1235 No.Faks: 03-8926 5748

Dicetak oleh:
One Touch Creative Sdn. Bhd.
No.5-2, Jalan Seksyen 3/9,
Pusat Perniagaan Kajang Utama,
43000 Kajang, Selangor.
Tel:03-8733 6246 No.Faks: 03-8733 7246
www.percetakan.com.my

ISI KANDUNGAN

	Halaman
MUQADDIMAH	1
Seutas Kata Pengarah INFAD	1
Kata Alu-aluan Ketua Pengarah JAKIM	3
Sepatah Kata Dekan Fakulti Pengajian Islam UKM	5
Sepatah Kata	7
Sekalung Penghargaan	10
Muqaddimah	11
Biografi Ringkas Sahib al-Fadhilah Dr. Yusuf al-Qaradawi	16
Dustur Ilahi	24
Muqaddimah Pengarang	25
Muqaddimah Cetakan Pertama	29
Definisi	44
BAB PERTAMA: PRINSIP-PRINSIP ISLAM BERKENAAN HALAL DAN HARAM	45
Muqaddimah	46
Asal Sesuatu ialah Harus (dibolehkan)	51

Halal dan Haram adalah Hak Allah Semata-mata	61
Mengharamkan yang Halal dan Menghalalkan yang Haram	68
Pengharaman Membawa kepada Keburukan dan Bahaya	75
Tetap Pada yang Halal Sahaja, Memadai dari yang Haram	82
Apa yang Membawa kepada yang Haram, Hukumnya Haram	85
Haram Membuat Tipu Helah untuk Perkara yang Haram	87
Niat yang Baik Tidak Boleh Membersihkan yang Haram	90
Memelihara Diri dari Perkara yang Syubhat	95
Apa yang Haram Itu Tetap Haram kepada Semua	98
Dharurat Membolehkan Sesuatu yang Dilarang	104
BAB KEDUA: HALAL DAN HARAM DALAM KEHIDUPAN ORANG ISLAM	109
Dalam Perkara Makanan dan Minuman	110
Dalam Perkara Pakaian dan Perhiasan	197
Dalam Institusi Kekeluargaan	230
Soal Berusaha dan Bekerja	282

BAB KETIGA: HALAL DAN HARAM DALAM	
PERKAHWINAN DAN KEHIDUPAN BERKELUARGA	331
Dari Sudut Gharizah (Asal Semulajadi)	332
Perkahwinan	379
Hubungan antara Suami Isteri	429
Perancangan Keluarga	439
Di sini sahaja Diharuskan Talak	459
Hubungan Antara Ibu Bapa Dan Anak-Anak	489
BAB KEEMPAT: HALAL DAN HARAM DALAM	
KEHIDUPAN UMUM MUSLIM	521
Masalah Kepercayaan dan Adat Tradisi	522
Dalam Muamalat	555
Hiburan dan Permainan	628
Hubungan Kemasyarakatan	665
Hubungan Sosial Antara Muslim dan Lainnya	729
PENUTUP	755

Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam

Seutas Kata Pengarah INFAD

الحمد لله القائل: يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ^ع وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا^ط وَمَا يَدَّكُرُ إِلَّا أَوَلُوا^ظ الْأَلْبَابِ.

وَقَالَ الرَّسُولُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الَّذِي بَعَثَهُ اللَّهُ إِلَى النَّاسِ مُبَشِّرًا وَنَذِيرًا وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيِّنَا وَحَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَذُخْرِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَأَتْبَاعِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ.

Dengan nama Allah SWT, saya mulakan kata alu-aluan ini. Saya merafa'kan kesyukuran kepada-Nya kerana kurniaan nikmat-Nya yang melimpah ruah kepada kita. Antara kurniaan Allah kepada kita ialah ilmu sebagai asas utama pencipta manusia yang melayakkannya memegang teraju sebagai khalifah Allah di muka bumi ini.

Ulama' yang menjadi pelita ummah dalam menyinari sinar ilmu yang berasaskan cahaya iman dan *ma'rifat*, menabur dan membenihkannya kepada kita.

Ulama' kontemporari pada masa kini telah banyak mengkaji dan menabur segala mutiara ilmu kepada umat Islam yang dahagakan ilmu pengetahuan semata-mata mencari keredhaan Allah SWT. Antaranya ialah Sahib al-Fadhilah al-Syeikh Dr.Yusuf al-Qaradawi yang telah mewakafkan dirinya untuk ilmu dan dakwah dalam meninggikan syiar Islam.

Beliau telah menghasilkan puluhan, bahkan ratusan karya ilmiah yang memberi impak dan kesan yang begitu maksima dalam pembangunan ummah pada era globalisasi yang begitu mencabar pada masa kini.

Antara hasil nukilannya ialah kitab *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* yang melebihi setengah kurun. Jika mengamati buku ini dengan mendalam, saya dapati beliau boleh dianggap seperti *mujtahid* yang tersohor pada masa kini. Gabungan serta kekuatan hujah *aqli* dan *naqli* membuatkan persembahan hasil nukilannya begitu menarik dan memuaskan.

Kekuatan buku ini juga terletak kepada sifat terbuka tanpa taksub serta tidak memperlekehkan pendapat yang bertentangan dan tidak sealiran dengannya. Inilah ciri ulama' *rabbani* yang inginkan kebenaran dan kesejahteraan.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Pengarah Musyrif Lajnah Penyusunan dan Tashih bagi buku ini, iaitu: Dr.Zulkifli Mohamad al-Bakri dan juga rakan-rakannya yang berusaha menyiapkan buku yang saya anggap sangat bermanfaat dan bernilai bagi umat Islam serta layak untuk menjadi rujukan umat pada masa kini. Semoga usaha seperti ini dapat diteruskan lagi oleh cendekiawan dan tokoh ulama' Islam pada masa kini dalam memartabatkan ilmu Islam dan pembangunan ummah agar dapat melahirkan insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang di dunia dan akhirat.

Akhir kalam, saya berdoa ke hadrat Ilahi, semoga kita mendapat manfaat daripada buku yang bermanfaat ini dalam menambahkan lagi ilmiah dengan penghayatan agama kita. Amin.

Prof Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin

Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)

Merangkap Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan

24 Disember 2009

Kata Alu-aluan Ketua Pengarah JAKIM

Dengan nama Allah SWT, saya mulakan kata alu-aluan ini. Saya merafa'kan kesyukuran kepadanya kerana kurniaan nikmat-Nya yang melimpah ruah kepada kita. Antara kurnia Allah kepada kita ialah ilmu sebagai asas utama pencipta manusia yang melayakkannya memegang teraju sebagai khalifah Allah di bumi.

Ulama' yang menjadi pelita ummah dalam menyinari sinar ilmu yang berasaskan cahaya iman dan *ma'rifat*, menabur dan membenihkannya kepada kita.

Antara tokoh ulama' kontemporari masa kini ialah Fadhilah al-Syeikh Dr.Yusuf al-Qaradawi yang mewakafkan dirinya untuk ilmu dan dakwah dalam meninggikan syiar Islam. Beliau dengan *kerasikhan* ilmunya telah menghasilkan puluhan, bahkan ratusan karya ilmiah yang memberi impak begitu maksima dalam pembangunan ummah.

Antara hasil buah tangannya ialah kitab *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* yang melebihi setengah kurun. Dengan mengamati buku ini, saya dapati beliau boleh dianggap seperti *mujtahid* pada masa kini. Gabungan serta kekuatan hujah *aqli* dan *naqli* melahirkan buku ini.

Berdasarkan ketokohan dan ketinggian ilmu Fadilah al-Syeikh Dr.Yusuf al-Qaradawi, pada tahun ini Kerajaan Malaysia telah menganugerahkan kepadanya Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan. Kekuatan buku ini juga terletak kepada sifat terbuka tanpa taksib serta tidak memperlekehkan pendapat yang bertentangan dan tidak sealiran dengannya. Inilah dri ulama' *rabbani* yang inginkan kebenaran dan kesejahteraan.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Pengarah dan Musyrif Lajnah Penyusunan dan Tashih bagi buku ini. Semoga usaha seperti ini dapat diteruskan lagi oleh cendekiawan dan tokoh ulama' Islam dalam memartabatkan ilmu Islam.

JAKIM menyokong penuh usaha untuk memberi kefahaman yang sebenar berkaitan dengan buku ini, apatah lagi yang membabitkan perkara halal dan haram.

Akhir kalam, saya berdoa ke hadrat Ilahi, semoga kita mendapat manfaat daripada buku yang bermanfaat ini dalam menambahkan lagi ilmiah dengan penghayatan agama kita. Amin.

Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Sepatah Kata Dekan Fakulti Pengajian Islam UKM

Segala pujian bagi Allah. Kita mohon pertolongan keampunan dan perlindungan-Nya daripada kejahatan diri dan keburukan amalan. Barangsiapa yang dibimbing Allah, nescaya tiada siapa pun yang dapat menyesatkannya dan barangsiapa yang diseksa Allah, nescaya tiada siapa pun yang dapat membimbingnya.

Saya naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah semata-mata, tiada sekutu bagi-Nya dan bahawa Muhammad SAW ialah hamba dan pesuruh-Nya. Firman Allah SWT:

قَالَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي ﴿٢٥﴾ وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي ﴿٢٦﴾ وَأَحْلِلْ عُقْدَةَ مِنِّ لِسَانِي ﴿٢٧﴾
يَفْقَهُوا قَوْلِي

Maksudnya: *Nabi Musa berdoa dengan berkata: Wahai Tuhanku, lapangkanlah bagiku, dadaku, dan mudahkanlah bagiku, tugasku, dan lepaskanlah simpulan dari lidahku, supaya merekafaham perkataanku.*

(Surah Taha: 25-28)

Antara tokoh ulama' kontemporari masa kini ialah Fadhilah al-Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradawi yang mewakafkan dirinya untuk ilmu dan dakwah dalam meninggikan syiar Islam.

Beliau dengan *kerasikhan* ilmunya telah menghasilkan puluhan, bahkan ratusan karya ilmiah yang memberi impak begitu maksima dalam pembangunan ummah.

Al-Halal wa al-Haram Fi al-Islam

Antara hasil buah tangannya ialah kitab *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* yang melebihi setengah kurun. Dengan mengamati buku ini, saya dapati beliau boleh dianggap seperti *mujtahid* pada masa kini. Gabungan serta kekuatan hujah *aqli* dan *naqli* melahirkan buku ini.

Walaupun buku ini kecil dari segi saiznya, yang tidak mengambil jilid yang tebal, tetapi ia merangkumi semua aspek kehidupan yang membabitkan halal dan haram.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Pengarah Musyrif Lajnah Penyusunan dan Tashih bagi buku ini.

Pihak Universiti dan Institut Pengajian Tinggi menyokong penuh usaha untuk memberi kefahaman yang sebenar berkaitan isu-isu semasa berdasarkan akademik yang sebenarnya.

Akhir kalam, saya berdoa ke hadrat Ilahi, semoga kita mendapat manfaat daripada buku yang bermanfaat ini dalam menambahkan lagi ilmiah dengan penghayatan agama kita. Amin.

Prof. Dr. Mohd Nasran bin Mohammad

Dekan Fakulti Pengajian Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

30 Oktober 2009

Sepatah Kata

إِن الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ ، وَنَسْتَعِينُهُ ، وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا ، وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا
مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ ، وَمَنْ يَضَلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ .

وأشهد أن محمداً عبده ورسوله.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ
يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَتَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا .
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيداً يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَ يُغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزاً عَظِيماً

Aspek hukum-hakam merangkumi sebahagian besar dari Syariat Islam itu sendiri, lebih khusus lagi ialah perkara yang melibatkan halal haram. Rasulullah SAW menegaskan yang halal itu jelas, yang haram juga jelas dan di antara keduanya, ada perkara yang shubhah, yang kedudukannya tidak jelas di kalangan umat Islam, terutamanya di kalangan orang awam. Pandangan mereka yang berkeahlian sangat penting untuk menjaga kemurnian Islam itu sendiri.

Ruang lingkup hukum hakam ini sangat luas, ditambah pula ia terus berkembang selari dengan perkembangan ilmu dan teknologi itu sendiri.

Al-Halal wa al-Haram Fi al-Islam

Dalam memastikan perkara yang berkaitan dengan halal haram ini, para ulama' adalah tempat rujukan semua pihak. Mereka ternyata telah memainkan sumbangan yang sangat besar dalam menjelaskan perkara ini kepada seluruh umat.

Terdapat banyak sekali karya-karya yang telah dihasilkan dalam pelbagai bentuk dan saiz. Antaranya ialah *al-Halal wa al-Haram* oleh Syeikh Prof. Yusuf bin Abdullah al-Qaradawi. Karya ini telah mendapat perhatian yang menyeluruh dari kalangan khalayak pembaca. Pengarangnya menggunakan pendekatan yang mudah dan menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sandaran utama dan paksi dalam *mengistinbatkan* hukum dengan tidak mengabaikan pandangan ulama muktabar yang terdahulu. Prof Yusuf al-Qaradawi telah membincangkan banyak perkara yang berkaitan dengan kehidupan Muslim dalam karya ini. Ia sangat bermanfaat untuk umat Islam dalam mengetahui hukum Islam dalam perkara-perkara berkenaan.

Namun begitu, idea bernas pengarang hanya dapat dimanfaatkan oleh jumlah yang terbatas dari kalangan umat Islam, iaitu mereka yang boleh menguasai bahasa Arab sahaja. Syabas dan tahniah diucapkan kepada *al-Akh al-'Aziz*, Dr Zulkifli bin Mohamad al-Bakri dan juga rakan-rakannya yang telah berjaya mengalihbahasakan dan menyusun atur karya yang bermanfaat ini ke Bahasa Melayu. Sudah tentu ramai yang akan mendapat faedah dari usaha yang murni ini.

Penterjemah juga memuatkan pandangan Prof Dr. Yusuf al-Qaradawi yang dimuatkan dalam karya beliau yang lain untuk memberi tambahan maklumat kepada para pembaca. Sudah tentu usaha murni ini tidak akan terhenti di sini, malah ia akan diteruskan dengan menghasilkan lebih banyak karya-karya lain yang dijadikan panduan dan rujukan oleh umat Islam di rantau ini.

Prof. Dr Fauzi bin Deraman,

Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya.

23 Disember 2009

Sekalung Penghargaan

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak. Antaranya ialah:

Ybhg. al-Ustaz Saipuddin daripada Darul Syakir.

Lajnah susunan, semakan dan tashih yang terdiri daripada:

- | | |
|--|-------------------------------------|
| 1. Mohd Mutawalli Sya'rawi bin Mohamad | Uni. Mu'tah & UKM
(Ketua Lajnah) |
| 2. Mohd Azreen bin Amir | UNITI & KUIS
(Tim. Ketua Lajnah) |
| 3. Abdul Hakim bin Hj. Azam | UNITI (Ahli) |
| 4. Abdul Wahid bin Salleh | Uni. Jordan&UDM(Ahli) |
| 5. Ahmad Azam bin Ishak | USIM (Ahli) |
| 6. Ahmad Tarmizi bin Mahmud | USIM & UKM (Ahli) |
| 7. Mohd Asri bin Silahuddin | KUIS & UKM (Ahli) |
| 8. Mohd Elias bin Mohd Sapuan | USIM (Ahli) |
| 9. Mohd Faizan bin Musa | UNITI & UM (Ahli) |
| 10. Mohd Firdaus bin Mohd Khalil | USIM (Ahli) |
| 11. Mohd Shafiq bin Abd Ghani | UNITI, PDRM (Ahli) |
| 12. Munir Zihni bin Hassan | USIM (Ahli) |
| 13. Zulkamain bin Mohd Sayuty | USIM (Ahli) |

**Pengarah dan Musyrif Lajnah:
Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri**

24 Disember 2009



Muqaddimah

الحمد لله رب العالمين، القائل : يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ
وهو العالم العليم، الذي أمرنا بالعلم، وأرشدنا للدعاء باستمرار العلم وزيادته، فقال تعالى:
وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا.

والصلاة والسلام على رسول الله، المبعوث رحمة للعالمين، والقائل: "إِنَّمَا بَعَثْتُ مُعَلِّمًا"،
وقال أيضا: مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ، ودعا لابن عباس رضي الله عنهما، فقال:
"اللهم علمه التأويل وفقهه في الدين".

ورضي الله تعالى عن الصحابة أجمعين، الذين كانوا علماء حكماء، كادوا من فقههم أن
يكونوا أنبياء، ورحم الله العلماء العاملين، والأئمة المجتهدين، والتابعين ومن سلك طريق
الهدى والحق المبين إلى يوم الدين، وبعد:

Dengan penuh rasa syukur, kami lafazkan *Alhamdulillah* kerana
dengan izin-Nya, dapatlah kami Lajnah Tashih dan Penyusunan
mengemukakan terjemahan kitab *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* hasil
buah tangan Fadhilah Dr. Syeikh Yusuf al-Qaradawi.

Kami banyak berpandukan kepada terjemahan al-Marhum Ahmad
Semait, dan kami mengharapkan semoga Allah memberikan ganjaran
pahala dalam *Mizan Hasanatnya*. Amin.

Dalam menyusun terjemahan ini, kami mengemukakan metodologi seperti berikut:

- i. Menyebut riwayat dan darjat hadith berdasarkan *takhrif* yang ditulis oleh Syeikh Muhammad Nasiruddin al-Albani.
- ii. Mengemukakan pendapat Dr. Yusuf al-Qaradawi sendiri pada nota kaki melalui bukunya yang lain, seperti *Fatawa Mua'sirah*.
- iii. Menyebut pendapat ulama' yang lain, di mana pendapatnya tidak sama dan sealiran dengan pendapat penulis, bertujuan untuk memperkayakan khazanah ilmiah.
- iv. Adakalanya dinyatakan fatwa yang dinukilkan oleh Lajnah Fatwa, sama ada dalam negeri atau antarabangsa atau ulama' perseorangan.
- v. Kadang-kadang, kami menyebut pendapat ulama' silam dan salaf al-soleh.
- vi. Di samping itu, kami juga merujuk kepada pendapat ahli tafsir dalam menghuraikan isu yang dikemukakan oleh Syeikh.

Sebenarnya, dengan menekuni dan mentelaah buku ini, jelas menunjukkan ia menzahirkan banyak keistimewaan yang dimiliki oleh Syeikh yang tidak terikat kepada hanya sesuatu pandangan, tetapi merentasi mazhab dan berasaskan kepada dalil serta *maslahat*. Ini seolah-olah menunjukkan bahawa Syeikh ingin membuka pintu *ijtihad* dan mengajak para pembaca untuk melihat pendapat yang bersumberkan dengan dalil dengan penuh keinsafan.

Keistimewaan Buku Ini

Kitab ini yang dinamakan *al-Halal wa al-Haram fi Islam* merupakan antara karya yang awal dikarang oleh Dr. Yusuf al-Qaradawi. Cetakan pertama bermula pada tahun 1959M dan dicetak lebih daripada 13 kali di samping secara cetak rompak yang telah dilakukan banyak kali.

Menjadi kelaziman, mana-mana karya akan ada yang memuji dan mengkritiknya kerana sifat *ismah* dan *ma'sum* hanya berlaku kepada para Nabi. Berkenaan dengan kitab *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* ini, ia menjadi kitab masyhur di seluruh dunia, lebih-lebih lagi di Tanah Arab. Syeikh Ali al-Tantawi, Sasterawan Islam terulung, telah menjadikan buku ini sebagai teks pengajarannya di Kuliyah al-Tarbiyah, Arab Saudi.

Berkenaan dengan buku ini, Mufti Besar Arab Saudi, al-'Allamah Syeikh Abdul Aziz bin Baz pernah menghantar surat dan memberitahu bahawa Kementerian Penerangan bertanyakan kepadanya status buku ini sama ada dibenarkan untuk memasuki pasaran atau sebaliknya. Beliau menambah, ramai ulama' membuat *mulahazah* dan kritikan dalam lapan masalah yang memerlukan *i'adah al-nazar* atau kajian semula.

Syeikh al-Qaradawi menjawab dengan penuh hikmah dan menceritakan sifat para ulama' yang sentiasa berkhilaf semenjak zaman para sahabat dari sudut pandangan, bukan hati-hati mereka. Akhirnya, Syeikh Abdul Aziz bin Baz sebagai Mufti Besar Arab Saudi, membenarkan buku *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* untuk dipasarkan dan menjadi bahan bacaan di Arab Saudi.

Buku ini menjadi lebih menarik dengan *takhrij* hadith yang dibuat oleh al-Muhaddith, iaitu Syeikh Muhammad Nasiruddin al-Albani dengan menomborkan hadith.

Antara keistimewaan yang terdapat pada buku ini ialah:

- i. Menjawab dan merungkai permasalahan ummah pada masa kini.
- ii. Memperkenalkan masyarakat kepada dalil-dalil, sama ada secara *naqli* atau *aqli*.
- iii. Memimpin pembaca untuk *makrifah* dan mengenali cara *istinbat* hukum.
- iv. Menjelaskan bagaimana penggunaan kaedah Usul Fiqh dan kaedah Fiqh.
- v. Mengemukakan fatwa ulama' dan pendapat mereka.
- vi. Mendahulukan *maslahat* dan juga menolak *mafsadah* dalam mengemukakan hukum ijtihad.
- vii. Tidak terikat dengan hanya satu-satu mazhab.
- viii. Menjawab isu-isu kontemporari dan moden dengan menghubungkan *illah* pada qias.

Penulis mengakhiri pujian terhadap kitab ini seperti yang dinyatakan oleh al-'Allamah Syeikh Mustafa al-Zarqa':

إِنَّ اقْتِنَاءَ هَذَا الْكِتَابِ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ أُسْرَةٍ مُسْلِمَةٍ

Maksudnya: "Sesungguhnya memelihara dan memiliki kitab ini menjadi kewajipan dan kemestian bagi setiap keluarga Islam."

Akhir kalam, kami ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada yang terlibat dalam penerbitan buku ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Begitu juga, kami mengambil kesempatan untuk mengajak pencinta ilmu supaya budaya *iqra'* dan membaca dapat disuburkan dalam masyarakat serta berlapang dada tanpa dikuasai oleh sifat taksub, ekstrimis dan tidak menghormati pendapat orang lain, yang mana banyak dan kerap kali disarankan oleh Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradawi.

Semoga usaha yang tidak seberapa ini, menatijahkan keikhlasan dalam hati kami dan pembaca untuk menjadikan syariat Islam yang terunggul dalam kehidupan ini. Kami menutup muqaddimah ini dengan meminjam kata-kata Almarhum al-Syahid Syed Qutub dalam kitabnya *fi Zilal al-Quran*: "*Masa penghayatanku di bawah bayangan al-Quran itu berakhir dengan satu keyakinan yang teguh dan tegas, iaitu dunia ini tidak akan mencapai kebaikan dan keselarasan umat manusia dengan undang-undang alam buana dan fitrah yang suci melainkan dengan kembali kepada Allah SWT.*"

Sekian, terima kasih.

Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri

Pengarah dan Musyrif Lajnah Tashih dan Penyusunan

Biografi Ringkas Sahib al-Fadhilah Dr. Yusuf al-Qaradawi

Nama sebenar beliau ialah Yusuf bin Abdullah bin Ali bin Yusuf. Dilahirkan pada tahun 1926M di sebuah perkampungan yang terpencil berhampiran Madinah al-Mahallah. Jaraknya 21km daripada Tanta. Bacaan yang sebenarnya ialah al-Qaradawi, seperti yang dinyatakan dalam bukunya *Ibn al-Qaryah wa al-Kuttab*, tetapi ahli Syam membaca dengan al-Qardawi. Ianya dinisbahkan kepada perkampungan al-Qardah.

Bapanya meninggal dunia ketika beliau masih lagi kanak-kanak dan berusia sekitar dua tahun. Beliau dipelihara oleh ibu, bapa saudara di samping datuknya. Ketika berada di peringkat *thanawi*, ibunya meninggal dunia. Beliau terkenal dengan kecerdikan dan ketajaman ilmunya. Sejak kecil lagi, beliau sentiasa mendapat tempat yang pertama, kecuali pada peperiksaan akhir di peringkat *thanawi*, beliau mendapat tempat yang kedua di seluruh Mesir dengan perbezaan mata setengah markah sahaja dengan yang pertama.

Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar dalam kuliah Usuluddin, sekalipun ditawarkan untuk ke universiti lain, seperti Dar al-Ulum.

Antara guru-gurunya yang terkenal ialah:

- Syeikh Hamid Abu Zuwail.
- Syeikh Ali Khalil.
- Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi.
- Syeikh Hasan al-Banna.
- Ustaz al-Bahi al-Khuli.
- Syeikh Mahmud al-Daftar.
- Syeikh al-Manufi.
- Syeikh Muhammad al-Ghazali.
- Syeikh Syed Sabiq.

- Syeikh al-Azhar, nama sebenarnya Muhammad Abd al-Rahman al-Bisar.
- Syeikh Muhammad Mukhtar Budair.
- Syeikh Muhammad Ahmadain.
- Syeikh Abdul Hamid al-Syazili.
- Syeikh Soleh Syarraf.
- Syeikh al-Aisawi.
- Syeikh Muhammad Yusuf.
- Syeikh Abdul Fattah Syahathah.
- Syeikh Mahmud Fayyadh.
- Syeikh Abu Zaid Syalabi.
- Dr. Muhammad Ghallab.
- Syeikh al-Azhar Syeikh Abd al-Halim Mahmud.
- Syeikh Tayyib Najaz.
- Dr. Jamaluddin.
- Syeikh Abi al-Gharabi dan ramai lagi.

Beliau mendapat keputusan yang amat cemerlang dan terbaik dalam peperiksaan akhir, di mana lajnah peperiksaan bertanya kepadanya secara *syafahi* atau lisan dan beliau dapat menjawab dengan sebaik mungkin.

Antara jawatan yang beliau sandang ialah:

- Imam dan khatib masjid.
- Professor di Universiti Qatar.
- Pengasas dan Dekan Fakulti Syariah dan Pengajian Islam Universiti Qatar.
- Anggota *Majma' al-Fiqhi* bagi *Rabitah 'Alami al-Islami*.
- Presiden Persatuan Ulama' Sedunia.
- Anggota Majlis Tertinggi Universiti Islam Madinah.

- Anggota Muktamar 'Alami al-Iqtisadi dan lain-lain.
- Pengerusi Majlis Fatwa Eropah.
- Naib Pengerusi Organisasi Zakat Antarabangsa.
- Ahli Pusat Pengajian Islam, Oxford.
- Pengarah Pusat Kajian Sunnah dan Sejarah Islam, Qatar.
- Penyelia Hal Ehwal Islam Kementerian Wakaf dan Jabatan Kebudayaan Islam al-Azhar.
- Pengarah Kolej Islam Qatar.

Beliau banyak menyampaikan dakwah serta kertas kerja di peringkat antarabangsa dan dunia Arab. Begitu juga, beliau banyak menghasilkan karya ilmiah yang bermutu tinggi sehingga menjadi rujukan sama ada fatwa atau pendapatnya oleh ulama'. Antara karyanya ialah:

- *Fiqh al-Zakah*
- *Fatawa Mu'asirah*
- *Ibn al-Qaryah wa al-Kuttab*
- *Al-Sahwah al-Islamiah*
- *Al-Sabr Fi al-Quran*
- *Li maza al-Islam*
- *Al-Muslimun Qadimun*
- *Al-Iman wa al-Hayah*
- *Al-Ibadah fi al-Islam*
- *Al-Nas wa al-Haq*
- *Al-Imam al-Ghazali Baina Madihihi wa Naqidihi*
- *Al-Hayah al-Rabbaniyah wa al-Ilm*
- *Thaqafah al-Daiyah*
- *Muslimah al-Ghad*
- *Al-Tarbiyyah 'Inda al-Imam al-Syatibi*
- *Al-Sunnah wa al-Bid'ah*

- *Al-Quds: Qadhiyah Kulli Muslim*
- *Fiqh al-Jihad*
- *Al-Halal wa al-Haramfi al-Islam* dan lain-lain lagi.

Lebih khusus lagi, karyanya boleh dibahagikan kepada pelbagai disiplin ilmu. Antaranya:

Pertama: Fiqh dan Usul.

Kedua: Ekonomi Islam.

Ketiga: Aqidah Islam.

Keempat: Kemudahan Fiqh.

Kelima: Dakwah dan Tarbiah.

Keenam: Menguatkan *Sahwah* dan Harakah Islam.

Ketujuh: Kewajipan Berkenaan yang Halal.

Kelapan: Isu Islam Secara Umum.

Kesembilan: Tokoh-tokoh Islam.

Kesepuluh: Adab dan Syair.

Kesebelas: Risalah Mengukuhkan *Sahwah*.

Kedua belas: *Muhadharat* yang dijadikan Buku.

الحمد لله رب العالمين

Dr. Yusuf al-Qaradawi



Biografi Ringkas Sahib al-Fadhilah Dr. Yusuf al-Qaradawi

Nama sebenar beliau ialah Yusuf bin Abdullah bin Ali bin Yusuf. Dilahirkan pada tahun 1926M di sebuah perkampungan yang terpencil berhampiran Madinah al-Mahallah. Jaraknya 21 km daripada Tanta. Bacaan yang sebenarnya ialah al-Qaradawi seperti yang dinyatakan dalam bukunya Ibn al-Qaryah wa al-Kuttab tetapi ahli Syam membaca dengan al-Qaradawi. Ianya dinisbahkan kepada perkampungan al-Qardah.

Bapanya meninggal dunia ketika beliau masih lagi kanak-kanak dan berusia sekitar dua tahun. Beliau dipelihara oleh ibu, bapa saudara di samping datuknya. Ketika berada di peringkat thanawi, ibunya meninggal dunia.

Beliau terkenal dengan kecerdikan dan ketajaman ilmunya. Sejak kecil lagi, beliau sentiasa mendapat tempat yang pertama kecuali pada peperiksaan akhir di peringkat thanawi, beliau mendapat tempat yang kedua di seluruh Mesir dengan perbezaan mata setengah markah sahaja dengan yang pertama.

Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar dalam kuliah Usuluddin sekalipun ditawarkan untuk ke Universiti lain seperti Daral-Ulum.

Antaraguru-gurunya yang terkenal ialah:

Syeikh Hamid Abu Zuwail, Syeikh Ali Khalil, Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi, Syeikh Hasan al-Banna, Ustaz al-Bahi al-Khuli, Syeikh Mahmud al-Daftar, Syeikh al-Manufi, Syeikh Muhammad al-Ghazali, Syeikh Syed Sabiq, Syeikh al-Azhar, nama sebenarnya Muhammad Abd al-Rahman al-Bisar Syeikh Muhammad Mukhtar Budair, Syeikh Muhammad Ahmadain, Syeikh Abdul Hamid al-Syazili Syeikh Soleh Syarraf dan lain-lain.

Antara jawatan yang beliau sandang ialah:

Pengasas dan Dekan Fakulti Syariah dan Pengajian Islam Universiti Qatar, Anggota Majma' al-Fiqhi bagi Rabitah Alami al-Islami, Presiden Persatuan Ulama' Sedunia dan lain-lain.

Beliau banyak menyampaikan dakwah serta kertas kerja di peringkat antarabangsa dan dunia Arab.

**DARUL
SHAKIR**

ISBN 978-983-44834-2-5



9 789834 483425